



مجلس دایره کوالا پیل  
MAJLIS DAERAH KUALA PILAH

## IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada **WARGANEGARA MALAYSIA** dan keutamaan diberi kepada **RAKYAT NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS** yang berkelayakan dan **BERUMUR TIDAK KURANG 18 TAHUN** pada tarikh iklan ditutup untuk memenuhi jawatan kosong seperti berikut :

### JAWATAN PENOLONG ARKITEK LANSKAP GRED JA5

<b>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN</b>	:	KEJURUTERAAN
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	:	PELAKSANA
<b>JUMLAH KEKOSONGAN</b>	:	1 (SATU) KEKOSONGAN
<b>TARAF PERKHIDMATAN</b>	:	KONTRAK ( <i>CONTRACT FOR SERVICE</i> )
<b>KADAR UPAH PERKHIDMATAN SEBULAN</b>	:	RM2,715.00

- SYARAT LANTIKAN** : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- a.**
- i.** Sijil Teknologi dalam bidang Lanskap yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (Kelayakan lantikan untuk kegunaan di Pihak Berkuasa Tempatan)  
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00); atau
- ii.** Sijil Seni Bina, Sijil dalam bidang Perancangan Bandar atau Kejuruteraan Awam (Seni Bina) yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. atau
- iii.** Diploma Seni Bina Lanskap yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

- SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** : 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang- kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- KEUTAMAAN KEPADA CALON** : Calon hendaklah mempunyai pengetahuan dan kebolehan bagi:
- a.** Merancang, menyedia, menyelaraskan dan melaksanakan taman-taman awam dan kemudahan rekreasi serta landskap dan memastikan ianya direkabentuk dan dibina dengan baik, praktikal dan selamat.
- b.** Menyediakan dasar, akta, garis panduan dan maklumat perancangan, pembinaan dan pengurusan landskap.
- c.** Menyelaraskan perancangan program pembangunan landskap dengan

menggunakan perkhidmatan sokongan sistem maklumat dan komputerisasi yang bersesuaian dan mudah sampaian maklumat.

- d. Memastikan pembangunan landskap menepati piawaian, garis panduan dan spesifikasi yang ditetapkan.
- e. Menyediakan khidmat nasihat perancangan dan teknikal pembangunan landskap yang profesional.
- f. Menyediakan khidmat nasihat dan manual penyelenggaraan landskap yang efisien bagi setiap projek pembangunan landskap yang disediakan.
- g. Menyediakan perancangan untuk membangun dan mengemaskini program pemuliharaan landskap yang bertujuan untuk mengekal, memulihara dan memperkayakan sumberjaya landskap daerah Kuala Pilah.

## **DESKRIPSI TUGAS**

: Bertanggungjawab:

- a. Menyelaras Semua Elemen Landskap dalam Cadangan Pelan Tindakan Khas Seri Menanti bagi memastikan elemen landskap mengikut PTK yang disediakan.
- b. Menyediakan pelan rekabentuk & analisis (*Drawing*) pengindahan landskap bagi tujuan permohonan peruntukan.
- c. Menyelaras Pelaksanaan Pelan Induk Landskap (perancangan 10 tahun) bagi Daerah Kuala Pilah. Penyediaan sehingga 2027. Banyak skop kerja yang perlu digerakkan bagi memastikan PIL Kuala Pilah dapat disediakan.
- d. Menyediakan audit alatan permainan kanak-kanak di semua taman-taman perumahan. Audit secara berkala sangat penting bagi memastikan tiada kerosakan yang memberi risiko kepada pengguna.
- e. Menyediakan permohonan peruntukan penyelenggaraan alatan permainan kanakkanak kepada Kerajaan Negeri dan

Persekutuan. Permohonan ini sangat penting bagi memperbaiki kerosakan alatan permainan.

- f. Menyelaras dan membantu dalam penyediaan perancangan belanjawan unit landskap.
- g. Menyelia dan memantau projek penyelenggaraan alatan permainan kanak-kanak.
- h. Menyediakan maklumat lengkap bagi permohonan peruntukan penyelenggaraan pokok dalam Sistem *ROMAPS*.
- i. Menyelaras kerja-kerja penyelenggaraan pokok di bawah peruntukan *ROMAPS*.
- j. Membantu Bah Perancang dalam tugas khas (*SDG, SMART CITY DAN LOW CARBON CITY*).
- k. Melaksanakan program landskap yang berbentuk kolaborasi bersama *NGO* dan pihak swasta bagi tujuan promosi landskap.

#### **CARA MEMOHON:**

1. Permohonan hendaklah menggunakan **BORANG PERMOHONAN JAWATAN DALAM PERKHIDMATAN MDKP** yang diperolehi secara **PERCUMA** di Kaunter Pertanyaan, Majlis Daerah Kuala Pilah pada waktu pejabat mulai dari tarikh jawatan diiklankan iaitu **13 APRIL 2026**.
2. Borang juga boleh dimuatturun daripada laman web rasmi MDKP, <http://www.mdkp.gov.my>. Permohonan daripada pegawai kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing dan pastikan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan yang terkini disertakan bersama seperti di jelaskan di dalam PU (A)176/2005.
3. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan sijil yang diakui sah oleh mereka yang berkeelayakan seperti Pegawai Kerajaan Kumpulan A (Pengurusan dan Profesional), Pegawai Kumpulan Sokongan 1, Penghulu, Jaksa Pendamai,

Pesuruhjaya Sumpah, Pengerusi Jawatan Kuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) dan setaraf dengannya beserta gambar berukuran passport yang dialamatkan kepada:

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH KUALA PILAH  
72009 KUALA PILAH  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**TARIKH TUTUP IKLAN: 27 APRIL 2026**

4. Sila nyatakan jawatan yang dipohon di kiri sebelah atas sampul surat semasa memohon. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen-dokumen seperti berikut:-
  - a. Resume
  - b. Satu Salinan MyKad / Kad Pengenalan diri;
  - c. Satu Salinan Sijil Kelahiran / Surat Beranak;
  - d. Satu Salinan Diploma/Sijil yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
  - e. Satu Salinan SPM/SPMV/SVM atau setaraf
  - f. Satu Salinan Sijil Berhenti Sekolah
  - g. Satu (1) keping gambar terbaru berukuran pasport;
  - h. Salinan Sijil-Sijil Pengiktirafan dan dokumen-dokumen sokongan yang lain (jika ada)
5. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga dengan setiap keputusan temu duga adalah muktamad.
6. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temu duga adalah ditanggung oleh calon sendiri.
7. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 1 tahun dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.

8. Borang yang tidak lengkap seperti **TIADA** tandatangan, **TIADA** pengesahan (salinan diakui sah) dan **TIADA** gambar akan ditolak.



.....  
(NAWAL BINTI MOHAMED AMIN)  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH KUALA PILAH

Sebarang pertanyaan/maklumat lanjut sila hubungi :

No. Tel : 06-4260000/ 4260001

No. Faks: 06-4260004

Email : [mdkp@mdkp.gov.my](mailto:mdkp@mdkp.gov.my)

Laman web: <http://www.mdkp.gov.my>